

25 Februari 2025

Untuk siaran segera

CAAM PERKENAL PLATFORM E-PELESENAN BAGI KAKITANGAN PENERBANGAN

Era Baharu Digitalisasi Pelesenan Kakitangan
Penerbangan di Malaysia

KUALA LUMPUR – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) telah secara rasmi melancarkan platform e-pelesenan yang inovatif, Perkhidmatan Profesional e-Peleesenan CAAM (eCLIPSE) untuk kakitangan penerbangan. Majlis pelancaran yang dirasmikan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan, menekankan komitmen Kerajaan terhadap digitalisasi dan inovasi dalam industri penerbangan. Platform ini merupakan yang pertama dilaksanakan oleh pihak berkuasa penerbangan awam di Asia Tenggara dan ia dijangka mengubah proses pengeluaran lesen untuk juruterbang, pengawal trafik udara dan penyelenggara pesawat seterusnya memastikan pengalaman yang lancar dan berkesan untuk kakitangan penerbangan di Malaysia.

Pencapaian ini menandakan langkah penting dalam transformasi digital industri penerbangan Malaysia, memperkuatkkan komitmen CAAM untuk meningkatkan kecekapan dan memperkemas proses pengeluaran lesen bagi kakitangan penerbangan. Pengenalan eCLIPSE merupakan bukti pendekatan CAAM yang berpandangan jauh terhadap kecekapan kawal selia dan mutu perkhidmatan yang cemerlang. Ciri utama platform ini termasuk:

Pendekatan Mobile-First – Direka dengan mengambil kira kemudahan pengguna, platform ini membolehkan kakitangan penerbangan mengurus permohonan lesen mereka tanpa mengira masa dan tempat.

Proses Pengeluaran Lesen Yang Menyeluruh – eCLIPSE memudahkan aliran kerja sepenuhnya secara digital tanpa penggunaan kertas dari pengemasan permohonan hingga kepada kelulusan seterusnya meminimumkan proses manual dan mengurangkan masa pemprosesan.

Integrasi Pembayaran Dalam Talian – Sistem pembayaran dalam talian yang selamat dan mudah memastikan tiada sebarang masalah bagi pemohon.

Berucap pada majlis tersebut, YB Loke Siew Fook menekankan kepentingan transformasi digital ini, “Pengenalan e-pelesenan ini adalah langkah besar ke hadapan dalam memodenkan sektor penerbangan Malaysia. Dengan



Kenyataan Media

memperkemas proses pengeluaran lesen melalui penyelesaian digital, kita dapat meningkatkan akses, ketelusan dan kecekapan bagi semua kakitangan penerbangan.”

Dato’ Kapten Norazman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif CAAM, menekankan impak eCLIPSE terhadap industri: “Melalui platform ini, kita dapat mengukuhkan komitmen CAAM terhadap proses digitalisasi dan memastikan kakitangan penerbangan dapat memproses keperluan pengeluaran lesen mereka dengan lancar. Inisiatif ini sejajar dengan visi CAAM untuk memanfaatkan teknologi dalam meningkatkan standard penerbangan di Malaysia.”

Pelancaran platform e-pelesenan ini selaras dengan agenda digitalisasi nasional yang lebih luas, mencerminkan kesediaan sektor penerbangan untuk menerima penyelesaian moden. Dengan mengurangkan penggunaan kertas dan memperkemas proses pentadbiran, platform ini tidak hanya memberi manfaat kepada kakitangan penerbangan tetapi juga meningkatkan kecekapan operasi dalam industri secara menyeluruh.

Platform e-pelesenan ini membuktikan pencapaian penting dalam misi CAAM untuk memupuk hubungan yang lebih baik, moden dan berteknologi dan dalam masa sama terus melaksanakan inisiatif berpandangan jauh.



Safe
TEAMCAAM
Sustainable
Skies

Kenyataan Media



Dari Kiri: En Muhammad Syawal Bin Zulkofli, YB Datuk Haji Hasbi Bin Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan, YBhg. Dato' Captain Norazman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif CAAM dan En Zainul Abidin Bin Maslan, Timbalan KPE (Operasi) CAAM di Majlis Pelancaran E-Pelesenan Untuk Kakitangan Industri Penerbangan.

Mengenai Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) merupakan badan kawal selia yang diamanahkan untuk menyelia dan memastikan keselamatan serta kecekapan penerbangan awam di Malaysia. Berpegang kepada komitmen CAAM terhadap piawaian penerbangan antarabangsa serta amalan terbaik, CAAM mengawal selia di samping turut menggalakkan pertumbuhan industri penerbangan yang mampan.

CAAM menyediakan pengawasan merangkumi perkhidmatan navigasi udara, pelesenan kakitangan penerbangan dan operasi penerbangan awam selain menggalakkan inovasi dan mengekalkan tahap pematuhan yang tinggi terhadap piawaian Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Anis Rahim di talian 012 336 4353 atau emel ke anis.rahim@caam.gov.my